

Latihan Kata Kerja Transitif

Latihan 1

Tandakan (/) pada ayat yang menggunakan kata kerja transitif yang betul.

1. Pak Yusof mengukir kayu itu untuk dibuat sape. ()
Pak Yusof mengukirkan kayu itu untuk dibuat sape. ()
2. Beberapa orang doktor pakar mendekati pesakit itu. ()
Beberapa orang doktor pakar mendekatkan pesakit itu. ()
3. Syarikat itu akan memperluaskan pasaran produknya hingga peringkat antarabangsa. ()
Syarikat itu akan meluaskan pasaran produknya hingga peringkat antarabangsa. ()

Latihan 2

Pilih kata kerja transitif yang sesuai penggunaannya berdasarkan konteks ayat.

1. Ibu _____ pokok bunganya pada setiap petang.
2. Pak Hassan _____ tin-tin kosong itu di dalam sebuah guni.
3. Encik Riduan berhasrat untuk _____ barang antik di kedai itu.
4. Sebagai pengguna, kita mestilah berusaha _____ hak kita.

Latihan 3

Isi tempat kosong dengan kata kerja transitif yang paling sesuai.

menanak

menjayakan

memperdalam

menjaringkan

menghargai

1. Kita mestilah _____ jasa guru yang telah memberi ilmu kepada kita.
2. Usaha _____ sungai itu perlu bagi mengelakkan berlakunya masalah banjir.
3. Kakak sedang _____ nasi di dapur.

4. Hanizah telah _____ gol dalam perlawanan bola jaring itu.
5. Semua pihak perlu bekerjasama dalam _____ usaha murni kerajaan untuk mewujudkan imuniti kelompok dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Latihan 4

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Hobi Azura pada masa lapang ialah _____ bunga.
- A. mengubah
 - B. menggubah
 - C. digubah
 - D. bergubah
2. Iris _____ buku sekolahnya ke dalam beg.
- A. memasuk
 - B. dimasukkan
 - C. memasukkan
 - D. termasuk
3. Projek _____ kawasan itu ialah hasil kerjasama masyarakat setempat dengan sebuah syarikat swasta.
- A. keindahan
 - B. memperindah
 - C. terindah
 - D. mengindah